

## Terma dan Syarat untuk “DuitNow DuitRaya” Kempen

Kempen “DuitNow Duit Raya” adalah (“Kempen”) adalah anjuran Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) (No. Syarikat: 200801010522 (811810-U)) (dikenali sebagai “Penganjur”) bersempena fungsi “Send Duit Raya” yang terdapat menerusi perbankan internet AGRONet dan AGRONet Mobile Banking Apps.

### Tempoh Kempen

Promosi akan bermula dari **19 Mei 2020 sehingga 7 Jun 2020** (“Tempoh Kempen”)

### Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pengguna Perbankan Internet Agrobank (AGRONet) atau aplikasi AGRONet Mobile Banking (“Pelanggan”) yang telah mendaftarkan nombor telefon mereka sebagai DuitNow ID bersama Agrobank.
2. Individu seperti yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-
  - a) Kakitangan Jabatan Kempen dan Promosi, Agrobank; dan/atau
  - b) Pelanggan yang tidak waras; dan / atau
  - c) Pelanggan yang telah di isytiharkan muflis; dan / atau
  - d) Individu di bawah umur 18 tahun.
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan telah memberi representasi dan mengesahkan bahawa Pelanggan tidak termasuk dalam kategori individu di atas.

### Hadiah

**RM50** (“Duit Raya”) akan dikreditkan ke akaun pemenang yang telah mendaftar ID DuitNow di dalam tempoh (2) minggu selepas Tempoh Kempen.

### Kriteria Penyertaan dan Pemilihan Pemenang

1. Pelanggan mestilah membuat transaksi minima **RM10** ke akaun lain dan mestilah melakukan sekurang-kurangnya tiga **(3) transaksi** sehari dengan menggunakan **fungsi “Send Duit Raya” dalam AGRONet atau AGRONet Mobile Banking Apps** untuk layak memenangi hadiah Duit Raya pada Kempen ini.
2. Hanya Pelanggan yang melakukan transaksi paling banyak berpeluang untuk memenangi Duit Raya semasa Tempoh Kempen.
3. Hanya **15 Pelanggan Teratas** setiap hari akan dipilih sebagai **PEMENANG HARIAN**.
4. Peserta hanya layak memenangi **SATU (1)** hadiah sahaja dalam Tempoh Kempen.

5. Transaksi DuitNow yang tidak lengkap atau dilakukan sebelum atau selepas Tempoh Kempen dianggap tidak memenuhi kriteria untuk memenangi hadiah.
6. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak dan diganti dengan apa-apa jua jenis hadiah yang lain.
7. Penganjur berhak untuk menukar hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama tanpa sebarang notis.

### **Terma dan Syarat Am**

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan: -
  - a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini serta bersetuju untuk Agrobank memproses data peribadi mereka mengikut Notis PDPA yang boleh didapati di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my); dan
  - b) memberikan persetujuan mereka kepada Penganjur untuk menerbitkan dan menggunakan nama mereka, dan gambar yang dihantar oleh pelanggan untuk iklan, pemasaran, publisiti dan / atau tujuan lain, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu atau gantirugi kepada Pelanggan. Pemenang tidak berhak menuntut hak milik atau bentuk gantirugi lain atas bahan tersebut.
2. Sekiranya atas sebab apa pun Kempen ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang, untuk (dan tidak terhad) alasan seperti virus komputer, penggodaman, campur tangan yang tidak dibenarkan, penipuan, kegagalan teknikal, atau sebab lain di luar kawalan, Penganjur berhak, dengan sendirinya untuk membatalkan, menghentikan, mengubah suai, atau menangguhkan Kempen ini.
3. Pelanjutan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen oleh Agrobank tidak akan memberi hak kepada Pelanggan untuk sebarang tuntutan atau gantirugi daripada Agrobank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung sebagai kesan langsung dan tidak langsung daripada tindakan pelanjutan, pembatalan, penamatan atau penangguhan.
4. Pihak penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk membatalkan dan/atau menghilangkan kelayakan mana-mana Pelanggan dan/atau penyertaan jika Pelanggan didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengganggu/menyalahgunakan proses penyertaan Kempen ini, operasi peraduan atau melanggar mana-mana terma dan syarat-syarat Kempen ini.
5. Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Kempen pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

6. Setakat dibenarkan oleh undang-undang, Agrobank tidak terkecuali daripada sebarang tanggungjawab dan semua liabiliti yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butiran-butiran hadiah atau lain-lain situasi yang tidak dijangka di luar kawalannya yang munasabah dan bagi apa-apa tindakan atau kemungkiran pembekal atau vendor pihak ketiga.
7. Agrobank tidak menawarkan sebarang waranti atau representasi secara nyata, tersirat atau statutori, berhubung dengan hadiah-hadiah termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, kualiti boleh dagang dan kesesuaiannya untuk tujuan berkenaan hadiah tersebut.
8. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian wang mana-mana Pelanggan yang timbul dari perubahan, pembatalan atau penarikan balik Kempen ini.
9. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan berdasarkan kepada undang-undang Malaysia dan bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
10. Masa adalah intipati Kempen ini.